

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

**NOVEMBER 2009**


Adalah disyorkan bahawa Projek laporan akhir ini yang disediakan  
oleh

**MOHD HANIFF BIN ALI**

bertajuk

**LAPORAN CADANGAN MENGUBAHSUAI REKA BENTUK DALAMAN GALERI FINAS DI NO 3, JALAN PAHANG  
KECIL, OFF JALAN PAHANG, 53200 KUALA LUMPUR**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi  
Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan	:	 3/11/09	Pn. Mawar Binti Masri
Koordinator Kursus	:	_____	Pn. Azizah Binti Mohd Ajis
Koordinator Program	:	_____	Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa Bin Abd. Rashid

## **ABSTRAK**

Projek akhir ini merupakan cadangan mengubah suai ruang dalaman Galeri Finas. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan dengan perfileman dan sejarah filem melayu dari zaman dahulu iaitu dari tahun 1930an sehingga kini. Selain itu, galeri ini juga bertujuan memberi maklumat, pendedahan, ilmu serta pengetahuan tentang filem dan segala peralatan yang digunakan untuk membuat sesuatu filem. Kepada pengunjung yang datang, galeri ini juga dapat menambah minat orang rami atau individu tertentu terutamanya golongan muda yang ingin mendalami ilmu perfileman dan mengetahui sejarah awal tentang filem Melayu dan bagaimana filem Melayu berkembang dari dulu hingga kini. Ia juga dapat membantu mempromosikan Malaysia ke mata dunia dengan membawa filem Malaysia ke serata dunia dengan penyertaan di peringkat antarabangsa. Pengunjung juga dapat mengetahui sejarah bermulanya penerbitan filem Melayu yang pertama serta kegemilannya filem-filem Melayu. Antara kajian yang telah di buat termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian, kajian kes dan kajian soal selidik. Tujuannya adalah untuk mengkaji kelebihan dan kelemahan yang terdapat di dalam rangkaian galeri masa kini. Kajian- kajian dan pengumpulan data ini akan di terapkan di dalam proses mengubahsuai untuk mendapatkan reka bentuk yang selesa dan bersistematik di samping konsep dan gaya yang di cadangkan.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi kandungan	iii
Senarai gambar	ix
Senarai rajah	xiv
Senarai singkat kata	xviii
Senarai lampiran	xix

## **KANDUNGAN**

## **MUKA SURAT**

<b>BAB 1.0</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1	PENGENALAN	2
1.2	MATLAMAT KAJIAN	3
1.3	OBJEKTIF KAJIAN	4
1.4	METODOLOGI KAJIAN	5
1.5	SKOP PROJEK	8
1.6	HALANGAN KAJIAN	9
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	10
<b>BAB 2.0</b>	<b>KLIEN</b>	<b>11</b>
2.1	LATARBELAKANG KLIEN	12

2.2	CARTA ORGANISASI KLIEN	14
2.3	VISI DAN MISI KLIEN	15
2.3.1	Visi	
2.3.2	Misi	
2.4	IMEJ KORPORAT KLIEN	16
<b>BAB 3.0</b>	<b>KAJIAN DAN ANALISA TAPAK KAJIAN</b>	<b>17</b>
3.1	PEMILIHAN TAPAK	
3.1	Pelan Kunci Tapak	19
3.1.1	Kriteria Pemilihan Tapak	21
3.2	SEJARAH RINGKAS TAPAK	22
3.2.1	Sirkulasi Kendaraan	24
3.2.2	Infrastruktur Dan Keadaan Persekitaraan	24
3.2.3	Reka Bentuk Fasad	33
3.2.4	Lanskap	35
3.3	ANALISA BANGUNAN SEDIA ADA	37
3.3.1	Bahagian Bangunan	37
3.3.2	Struktur Bangunan	38
3.3.3	Bukaan	40
3.4	ANALISA TAPAK	
a.	Kedudukan	56

## **BAB 1.0**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN PROJEK**

Galeri perfileman dengan rasmi dibuka pada 25 Mac 2007 oleh YB Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Galeri ini di wujudkan untuk menghargai sumbangan para penggiat filem dari zaman Studio Jalan Ampas, Studio Jalan Katong, Studio Merdeka, sehinggalah munculnya penerbit persendirian.

Ia mempamerkan foto mereka yang terlibat dalam pembangunan filem Malaysia, senarai filem yang telah diterbitkan, majalah hiburan lama dan baru, peralatan penggambaran dan suntingan filem, serta trofi kejayaan. Selain dari itu, anda juga boleh mengalami pengalaman menonton filem di pawagam mini.

Untuk projek semester akhir, cadangan menaik taraf dan mereka bentuk bahagian dalaman yang baru telah di fikirkan dengan memberikan imej dan konsep yang lebih moden dan berteknologi tinggi selaras dengan kehendak peredaran zaman masa kini serta terus berfungsi sebagai tempat yang lebih dikenali terutama generasi muda masa kini yang ingin mengetahui sejarah perfileman masa kini.